

Iran perhebat kegiatan promosi di Malaysia



DATIN PADUKA RAFIDAH

IRAN bersetuju meningkatkan dagangan dengan Malaysia dengan menawarkan pelbagai barangan keluarannya, termasuk buah-buahan yang selama ini diimport' oleh Malaysia dari negara lain.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Datin Paduka Rafidah Aziz, berkata Iran juga akan memperhebatkan kegiatan promosinya di Malaysia dengan menyertai lebih banyak pameran perdagangan.

Sehubungan itu, ia akan menganjurkan pameran perdagangan di negara ini, katanya kepada pemberita selepas menerima kunjungan Menteri Ekonomi dan Kewangan Iran, Mohammad Djavad Irravani, di pejabatnya di Kuala Lumpur semalam.

Datin Paduka Rafidah berkata selaras dengan perkembangan ini, Malaysia juga bercadang menyertai pameran perdagangan yang diadakan di Iran.

Menurutnya di samping itu, Iran berharap Malaysia akan meningkatkan import pelbagai barangan keluaran negara itu tahun ini, terutama minyak mentah.

Eksport Malaysia ke Iran pada 1987 berjumlah \$46.04 juta atau 0.06 peratus daripada jumlah keseluruhan eksport Malaysia ke seluruh dunia.

Dagangan eksport Malaysia dengan Iran bagi 10 bulan pertama tahun lalu bernilai \$55.03 juta, 78 peratus daripadanya getah asli.

Jumlah import Malaysia dari Iran pula pada 1987 bernilai \$4.1 juta. Bagi tempoh 10 bulan pertama tahun lalu, import Malaysia bernilai \$1.95 juta dan daripada jumlah ini, 95 peratus ialah minyak mentah.

Datuk Paduka Rafidah berkata beliau akan menggalakkan pengusaha tempatan melawat Iran kerana ia pasaran berpotensi bagi barangan pembuatan Malaysia.